

06 DEC 1998
Mahathir-Ular

PERCUBAAN OTHMAN HIDUP BERSAMA ULAR BISA MENDAPAT PERHATIAN DR MAHATHIR

LANGKAWI, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meninjau percubaan berani juara ular antarabangsa, Othman Ayeb, sebagai menyokong usahanya mencipta rekod dunia dengan tinggal dalam satu sangkar khas bersama ratusan ular berbisa di Taman Lagenda, di sini.

Dr Mahathir, yang singgah sebentar ke Taman Lagenda, turut diberi penghormatan menarik tali pada sebuah kotak yang mengandungi 150 ekor ular, kebanyakannya jenis tedung senduk, bagi menandakan bermulanya upacara itu.

Percubaan itu dianjurkan oleh Syarikat Nurdesa Rimbawi dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan LADA Holding Sdn Bhd.

Othman, 31, berhasrat mencipta rekod baru dalam Malaysia Book Of Record menerusi "pengalaman hidup bersama ular berbisa" selama 27 hari.

Rekod sebelum ini dipegang oleh Raja Ular Hussain Dastagir yang tinggal bersama ular berbisa selama 20 hari.

Othman pernah menjadi juara dalam beberapa pertandingan termasuk mencipta namanya sebagai juara ular berbisa pada pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berlangsung di Perlis pada tahun lepas.

Sementara itu, pengerusi jawatankuasa penganjur yang juga eksekutif Taman Lagenda Mohd Nasir Abdul Aziz berkata orang ramai dan pelancong akan menikmati potongan 20 peratus harga tiket feri ke sini di kaunter LADA di Kuala Kedah dan Kuala Perlis bagi menyaksikan percubaan juara ular antarabangsa itu.

"Hanya perkhidmatan feri LADA menawarkan potongan itu bagi membolehkan lebih ramai pelawat mengunjungi pulau peranginan ini sambil menyaksikan pertunjukan itu," katanya dan berkata hadiah menarik turut disediakan kepada pengunjung ke-500 dan seterusnya yang menyaksikan pertunjukan itu.

Ia diadakan sebahagian daripada program mempromosikan taman itu untuk menarik lebih ramai pelawat ke sini sempena musim cuti selain membiayai kos pembikinan penggambaran video dan cakera padat mengenai pengendalian perawatan dan pertunjukan ular oleh Othman di masa depan.

Sementara itu, Othman turut menunjukkan keupayaannya membuang bisa seekor ular yang mematuk paha kanannya menggunakan ubat tradisional semasa beliau mengangkat sebahagian daripada ular yang ada untuk ditunjukkan kepada orang ramai.

-- BERNAMA
ZI NH NAK